

**Sidang Akhbar YAB Ketua Menteri Pulau Pinang bagi Pengumuman Program
Butterworth Fringe Festival di Butterworth**

Tarikh : 17 Mei 2015 (Ahad)
Masa : 10:30 pagi
Tempat : Bilik Anggerik, Ibu Pejabat MPSP

***Butterworth Fringe Festival 2015: Program julung kali akan diadakan Butterworth,
Seberang Perai***

Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan komitmen dan menyokong usaha Majlis Perbandaran Seberang Perai, Think City Sdn.Bhd dan George Town Festival dalam merealisasikan penganjuran Butterworth Fringe Festival. Program ini adalah satu momentum bagi memacu kemajuan industri pelancongan dan lain-lain industri sokongan negeri Pulau Pinang. Butterworth Fringe festival yang akan diadakan pada 15-16 Ogos 2015 (Sabtu & Ahad) di Jalan Jeti Lama diharap dapat dijadikan satu produk yang mempunyai multiplier effect bagi kawasan Butterworth khususnya dan Seberang Perai secara amnya.

George Town Festival yang akan merentasi laut melebarkan kepakaran untuk berkongsi nilai dan budaya tempatan dan antarabangsa dengan mengadakan Program *Butterworth Fringe Festival* (BFF) di Butterworth yang mana menjanjikan kelainan untuk memaparkan pelbagai persembahan yang kreatif dan pelbagai pameran yang membawa nilai estetika yang tinggi. Butterworth Fringe Festival adalah program kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Seberang Perai, Think City dan George Town Festival (GTF) yang julung kali diadakan bagi memberi nafas baru kepada Butterworth untuk meningkatkan lagi kegemilangan Butterworth. BFF ini akan memberikan peluang kepada pengunjung dan penduduk tempatan untuk melihat satu sudut permandangan yang berbeza tentang Pulau Pinang terutamanya Butterworth. Di samping itu, ia juga akan mempamerkan Butterworth sebagai satu tempat baru yang menarik untuk kesenian dan kebudayaan.

Butterworth Fringe Festival akan menampilkan beberapa persembahan dan kesenian dari artis-artis, ahli muzik, pereka dari tempatan dan juga antarabangsa. Pelbagai persembahan akan diadakan seperti dari Kumpulan Penari *t.r.a.n.s.i.t.s.c.a.p.e.s* Belgium, Kumpulan Penari *France's Retouramont*, *TerryandTheCuz* dari Malaysia.